

# Umno Cheras tidak calon Menteri Besar

KUALA LUMPUR, Ahad—Umno Bahagian Cheras tidak mencalonkan Menteri Besar atau Ketua Menteri untuk jawatan Naib Presiden pada pemilihan parti Mei ini bagi memberi peluang kepada menteri Kabinet mengisi ketiga-tiga jawatan itu.

Ketuanya, Syed Ah Al-habshee, berkata Menteri Besar dan Ketua Menteri seharusnya menarik diri daripada persaingan untuk tiga jawatan itu untuk memberi tumpuan kepada usaha memperkukuhkan parti pada peringkat negeri.

Katanya, selain menerajui kerajaan negeri, mereka turut dibebani pelbagai tanggungjawab lain seperti menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri serta Pengerusi Barisan Nasional negeri dan Ketua Bahagian.

"Bukan mereka (menteri besar dan ketua menteri) tidak layak tetapi mereka mempunyai tugas penling untuk memperkukuhkan Umno di akar umbi di negeri masing-masing," katanya kepada pemberita selepas

persidangan bahagian itu di sini hari ini.

Pada persidangan itu, bahagian berkenaan mencalonkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, bagi jawatan Naib Presiden.

Perwakilan juga bersetuju sebulat suara dengan sena-

rai calon yang dikemukakan. Undian dijalankan secara terbuka dengan perwakilan berdiri sebagai menyatakan sokongan.

Sebagai mematuhi nasihat Majlis Tertinggi (MT), Umno Bahagian Cheras mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dicalonkan untuk jawatan Pengerusi Tetap manakala Datuk Yahaya Shafie sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Bagi 25 jawatan MT, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Suleiman Mohamad, mendahului senarai diikuti Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paduka Abdul Hamid Othman.

Calon lain ialah Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk

Seri Tajol Rosh Ghazali, Datuk Azmi Khalid, Datuk Mohd Nazri Abdul Aziz, Datuk Wira Mohd Ah Rus-tam, Datuk Mohd Shafie Apdal, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Tan Sri Ram-li Ngah Talib, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Khalid Yusof dan Datuk Zainal Abidin Zin.

Turut dicalonkan ialah Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Dr Helmi Yahya, Abdul Azim Zabidi, Tengku Azlan Sultan Abu Bakar, Datuk Seri Mohd Sharif Omar, Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Kamal Hussain, Datuk Suhaili Abdul Rahman, Datuk Paduka Ibrahim Ali dan Tan Sri Rahim Thamby Chik.

Umno Cheras adalah bahagian pertama daripada 11 bahagian di Wilayah Persekutuan yang mengadakan mesyuarat perwakilan. Bahagian Seputih akan mengadakan mesyuarat akhir minggu depan manakala sembilan bahagian lagi pada minggu berikutnya.